

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH	TAJUK: POLISI KONFLIK KEPENTINGAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.: LRT/IGU/COI/P-06	SEMAKAN: 00	M/SURAT : 1 3

1.0 PERNYATAAN POLISI

Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (*selepas ini dirujuk sebagai "LRTSB"*) komited untuk memastikan semua tindakan, keputusan dan urusan perniagaan syarikat dilaksanakan secara profesional, telus dan bebas daripada sebarang bentuk konflik kepentingan. Setiap warga kerja bertanggungjawab mengekalkan integriti dalam membuat keputusan serta mengutamakan kepentingan syarikat mengatasi kepentingan peribadi, keluarga atau mana-mana pihak luar.

LRTSB memandang serius sebarang situasi yang boleh menimbulkan, berpotensi menimbulkan, atau dilihat menimbulkan konflik kepentingan. Semua konflik kepentingan hendaklah diisytiharkan, direkodkan dan diuruskan mengikut ketetapan dalam Polisi ini.

2.0 TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua keputusan dan tindakan yang diambil oleh warga kerja LRTSB dan anak syarikatnya (*selepas ini dirujuk sebagai "Kumpulan"*) termasuk ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan adalah berdasarkan kepentingan terbaik syarikat, tanpa dipengaruhi oleh kepentingan peribadi, keluarga, atau pihak luar.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen sokongan berikut (jika berkenaan):

- **Kod Etika Perniagaan (COBE)**
- **Polisi Antirasuah & Penyelewengan**
- **Polisi Tiada Hadiah**
- **Polisi Konflik Kepentingan**
- **Polisi Pemberi Maklumat**
- **Peraturan Etika Kerja, Kelakuan & Tatatertib**
- **Prosedur / Garis Panduan Pelaksanaan berkaitan**

3.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja Kumpulan termasuk Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan. Polisi ini juga terpakai kepada organisasi di bawah kawalan Kumpulan, sekutu perniagaan dan mana-mana pihak ketiga, termasuk pembekal, vendor, kontraktor, perunding, rakan niaga dan ejen, apabila mereka bertindak bagi pihak Kumpulan atau mewakili kepentingannya.

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH	TAJUK: POLISI KONFLIK KEPENTINGAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.: LRT/IGU/COI/P-06	SEMAKAN: 00	M/SURAT : 2 3

Sekiranya Kumpulan tidak mempunyai kepentingan mengawal, Kumpulan akan berusaha memastikan polisi / prosedur Konflik Kepentingan yang sesuai diwujudkan dengan persetujuan rakan perniagaannya.

4.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi seseorang mempengaruhi, berpotensi mempengaruhi atau dianggap boleh mempengaruhi objektiviti, integriti, atau tindakan profesionalnya dalam melaksanakan tugas rasmi.

Ia timbul disebabkan oleh hubungan tertentu seperti hubungan kekeluargaan, pemegangan saham atau pekerjaan sampingan yang akan memberikan kesan yang menimbulkan pengaruh tak wajar terhadap pertimbangan, keputusan atau tindakan perniagaan individu itu yang akhirnya akan merugikan majikan mereka.

Oleh itu, Kumpulan mentakrifkan konflik kepentingan secara umum seperti berikut:

- 4.1 Konflik kepentingan sebenar - orang itu berdepan dengan konflik sebenar, sedia ada;
- 4.2 Konflik kepentingan berpotensi - orang itu berada atau mungkin berada dalam situasi yang boleh menyebabkan konflik; dan
- 4.3 Konflik Kepentingan yang dianggap berlaku - orang itu berada atau mungkin berada dalam situasi yang dilihat seolah-olah merupakan konflik walaupun situasi tersebut bukanlah sedemikian.

Ketiga-tiga jenis konflik ini berpotensi mendatangkan risiko kepada Kumpulan, orang yang terlibat dan mana-mana pihak luar yang terjejas seperti Sekutu Perniagaan. Oleh itu, kesemua konflik sebenar, berpotensi atau yang dianggap berlaku hendaklah diisytiharkan dan diuruskan menurut Polisi ini.

5.0 PRINSIP UMUM

- 5.1 Semua keputusan hendaklah dibuat secara adil, telus dan berasaskan kepentingan syarikat.
- 5.2 Semua warga kerja Kumpulan termasuk ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan tidak boleh menggunakan kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi atau pihak lain.
- 5.3 Sebarang potensi konflik kepentingan mesti dilaporkan segera kepada Ketua Jabatan atau Unit Integriti & Tadbir Urus (IGU).

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH	TAJUK: POLISI KONFLIK KEPENTINGAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.: LRT/IGU/COI/P-06	SEMAKAN: 00	M/SURAT : 3 3

- 5.4 Hadiah, imbuhan atau faedah yang diterima daripada pihak berkepentingan hendaklah ditolak atau dilaporkan mengikut tatacara yang ditetapkan.

6.0 PELAPORAN DAN PENDEDAHAN

- 6.1 Semua warga kerja Kumpulan termasuk ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan diwajibkan membuat deklarasi konflik kepentingan sekurang-kurangnya sekali setahun, dan juga apabila wujud situasi konflik kepentingan.

- 6.2 Deklarasi hendaklah dikemukakan kepada IGU.

7.0 PERLANGGARAN POLISI

Sekiranya berlaku pelanggaran terhadap polisi ini, Kumpulan berhak untuk mengambil tindakan tatatertib, termasuk amaran, penurunan pangkat, atau penamatan perkhidmatan, bergantung kepada tahap kesalahan, mengikut peraturan-peraturan Kumpulan yang sedang berkuatkuasa.

8.0 PEMILIK DAN PENYELENGGARAAN POLISI

- 8.1 Pemilik polisi ini ialah Unit Integriti & Tadbir Urus (IGU). Polisi ini hendaklah disemak bagi memastikan kesesuaiannya dengan keperluan semasa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun atau apabila perlu dan sekiranya terdapat sebarang perubahan yang besar. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui memorandum dalaman yang akan diedarkan terlebih dahulu.

- 8.2 Sebarang semakan terhadap polisi ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LRTSB.

-TAMAT-